

# MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN I-KPKT DENGAN UNIVERSITI AWAM



Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama tiga (3) universiti awam terkemuka iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan International Islamic University Malaysia (IIUM).

Majlis menandatangani MoU ini diwakili oleh Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, Naib Canselor UUM, YBhg. Professor Dato' Dr. Mohd Fo'ad Sakdan, Timbalan Naib Canselor UiTM, YBhg. Prof. TPr. Dr. Jamalunlaili Abdullah dan Timbalan Rektor Penyelidikan, Inovasi dan Pembangunan IIUM, YBrs. Prof. Dr. Mohamed Aslam bin Mohamed Haneef. MoU ini disaksikan oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu.

MoU ini dilihat sebagai usaha memperkukuhkan sektor perumahan dan kerajaan tempatan bersama agensi pendidikan di negara kita. Ia bertujuan memacu kemajuan I-KPKT sebagai sebuah institut latihan di bawah KPKT yang memainkan peranan penting dalam menyediakan latihan kepada pegawai dan kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta agensi-agensi berkaitan di seluruh negara.



Sekitar Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama tiga universiti awam.

# RINGKASAN PENGANJURAN PROGRAM DI BAWAH MEMORANDUM PERSEFAHAMAN TAHUN 2025

## Penglibatan wakil universiti sebagai ahli Lembaga Penasihat I-KPKT

Mesyuarat telah bersidang sebanyak dua kali pada tahun 2025



## Bengkel Focus Group Discussion (FGD) Pelaksanaan Pengurusan Aset Tak Alih oleh Kerajaan Tempatan di Malaysia

Dapatan daripada bengkel diterjemahkan dalam bentuk penulisan yang akan dibentangkan sebagai hasil kajian bersama antara UiTM dan I-KPKT

## Penglibatan Pensyarah UiTM dalam penyampaian kursus di bawah Pusat Pengajian Kerajaan Tempatan I-KPKT

- Kursus Pengurusan Strategik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- Kursus Pelaksanaan Inisiatif Bandar Pintar Di Malaysia: Cabaran Dan Pendekatan Komprehensif Oleh Kerajaan Tempatan



## Kolaborasi Program Waqaf Ilmu Series

6 siri program telah dilaksanakan oleh UiTM dengan kolaborasi I-KPKT sebagai rakan strategik menyebarkan informasi program dan seterusnya meningkatkan penyertaan peserta.

## Kajian Penentuan Pemberian Geran Tahunan Berasaskan Kaedah Keseimbangan (GTBKK) untuk PBT di Malaysia

